

**SOALAN NO: 55**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]**

**TARIKH : 25 Julai 2017 (Selasa)**

**SOALAN : Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah bentuk transformasi dan pemodenan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam merealisasikan Rancangan Malaysia Ke-11 bagi sektor pertanian yang terdiri daripada sub sektor agro makanan dan komoditi industri dalam memastikan ia mampu menyumbang di dalam KDNK serta mempunyai bekalan makanan yang mencukupi pada masa akan datang.**

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Dalam merealisasikan Rancangan Malaysia Ke-11 bagi sektor pertanian yang terdiri daripada subsektor agro makanan, beberapa strategi telah dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, nelayan dan pekebun kecil;
- (ii) Meningkatkan latihan dan pembangunan;
- (iii) Memperkukuhkan sokongan institusi dan khidmat pengembangan;
- (iv) Memperkasa keupayaan koperasi dan pertubuhan pertanian di sepanjang rantai bekalan;
- (v) Menambahbaik akses pasaran dan logistik;
- (vi) Memperluas akses pembiayaan pertanian; dan
- (vii) Mempergiatkan program insentif berasaskan prestasi dan pensijilan.

Objektif Dasar Agromakanan Negara 2011–2020 turut mensasarkan kepada jaminan bekalan makanan yang mencukupi dan selamat untuk dimakan. Bagi mencapai usaha ini, tumpuan akan diberikan bagi meningkatkan pengeluaran dan bekalan makanan serta meningkatkan akses kepada makanan.

Antara program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mencapai strategi seperti di atas adalah:

- (i) Projek pengeluaran makanan secara berskala besar dan komersial melalui projek-projek permulaan (Entry Point Project-

EPP) di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) seperti Projek Taman Pengeluaran Makanan, Penternakan Akuakultur Melalui Sangkar Bersepadu dan memperkukuh tanaman padi bagi menjamin bekalan makanan negara;

- (ii) Menggalakkan penggunaan mekanisasi bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil sebagai contoh penggunaan *combine harvester* dan mesin pengeringan bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran jagung bijirin;
- (iii) Mengoptimumkan produktiviti pengeluaran hasil melalui penggunaan benih berhasil tinggi seperti benih padi MR220, CL2 dan MARDI 284, mengurangkan kehilangan lepas tuai serta peningkatan intensiti tanaman;
- (iv) Menggalakkan penyertaan belia dan usahawan muda dalam bidang pertanian melalui Program Agroprenuer Muda;
- (v) Menyediakan bantuan modal dalam bentuk pinjaman dan geran kepada individu yang layak melalui Agro Bank dan Tekun Nasional untuk projek permulaan dan pengembangan;
- (vi) Menggalakkan aktiviti menambah nilai produk industri asas tani untuk menjana pendapatan tambahan bagi usahawan, petani, penternak dan nelayan; dan
- (vii) Meningkatkan tahap keselamatan hasil pertanian melalui pematuhan kepada pensijilan amalan pertanian baik (myGAP) dan pembangunan ladang organik.